



KUIM



GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TANPA DANA (GPTD) KUIM

Geran Penyelidikan yang dikenali sebagai Geran Penyelidikan Tanpa Dana (GPTD) bagi staf akademik KUIM yang berminat dalam bidang penyelidikan ditawarkan kepada mereka yang berminat dan layak berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

KLUSTER PENYELIDIKAN

Penyelidikan mestilah berdasarkan kepada kluster yang telah ditetapkan bagi memastikan penyelidikan di KUIM meliputi bidang tertentu dan terarah kepada kepakaran ahli akademik dalam menjalankan sesuatu penyelidikan.

Kluster penyelidikan merupakan kolaborasi kumpulan penyelidikan merentas disiplin yang terdiri daripada penyelidik-penyelidik dari pelbagai fakulti, pusat dan institusi yang terlibat dalam menjalankan penyelidikan rentas disiplin. Penentuan kluster dan sub-kluster bergantung kepada permasalahan utama dalam sesuatu penyelidikan.

Kluster dan sub-kluster penyelidikan KUIM adalah seperti berikut:

Kluster
Penjagaan Kesihatan dan Kesejahteraan
Teknologi Disruptif/Termaju
Impak Masyarakat 5.0
Pembangunan & Kesejahteraan

Penyelidikan perlulah memfokuskan kepada aspek permasalahan yang berlaku di luar ruang lingkup KUIM. Tujuannya adalah untuk memberi impak kepada masyarakat dan kerajaan negeri khususnya bagi setiap penyelidikan yang dijalankan di KUIM.

PERATURAN PERMOHONAN

1. Permohonan untuk GPTD perlu menggunakan borang yang boleh dimuat turun di laman sesawang UPPI iaitu borang KUIM/UPPI/B/01(TD).
2. Permohonan untuk GPTD hendaklah memenuhi kategori dan kriteria yang ditetapkan dan terbuka kepada semua staf akademik KUIM sahaja berdasarkan syarat-syarat di bawah.
 - A)Ketua Penyelidik
 - Terdiri daripada staf akademik KUIM yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana.
 - Ketua penyelidik bagi geran yang masih aktif tidak layak memohon tetapi hanya layak sebagai ahli sahaja.
 - B) Ahli
 - Terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran KUIM sahaja.
 - Staf pentadbiran Gred 41 dan ke atas sahaja layak menjadi ahli penyelidik.
 - Bilangan ahli tidak melebihi empat (4) orang
3. Tempoh masa penyelidikan adalah selama satu (1) tahun sahaja.

4. Permohonan perlu melalui penyelarasan penyelidikan fakulti dan dekan sebelum dihantar ke UPPI
5. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak dihantar pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan tidak akan diproses.

LAPORAN PERKEMBANGAN DAN LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

1. Setiap kumpulan perlu menyerahkan laporan perkembangan pada bulan ke enam (6) dan laporan akhir pada bulan ke dua belas (12).
2. Kegagalan menyerahkan laporan perkembangan dan laporan akhir kajian akan menyebabkan beberapa tindakan seperti berikut.
 - I. Nasihat
 - II. Amaran
 - III. Surat tunjuk sebab
 - IV. Dalam keadaan di mana penyelidik masih gagal mengemukakan penyelidikan tersebut:
 - A. Penyelidikan akan dibatalkan.
 - B. Penyelidikan akan disenarai hitamkan daripada menerima geran penyelidikan Kolej Universiti selama dua (2) tahun; dan/atau

HASIL PENYELIDIKAN

1. Penerbitan:

Semua kumpulan yang dianugerahkan geran GPTD **DIWAJIBKAN** menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam jurnal bertaraf My Cite.

PENAFIAN

1. Tertakluk kepada kes (*case by case basic*), apa-apa penafian terhadap garis panduan ini hanya boleh diputuskan oleh Naib Canselor.
2. Diharapkan Garis Panduan Geran Penyelidikan Tanpa Dana (GPTD) ini dapat dijadikan panduan kepada semua penyelidik dalam menghasilkan kualiti penyelidikan yang terbaik.